

SIARAN MEDIA

Tarikh: 8 November 2012
Ruj. CBMR-5-FRI-15-MCSA2012-V
UNTUK SIARAN SEGERA

ANUGERAH KESELAMATAN SIBER MALAYSIA 2012 MENINGKATKAN INOVASI DAN MEMANGKIN PERTUMBUHAN SEKTOR KESELAMATAN MAKLUMAT

Penghargaan diberi kepada penerima anugerah atas pencapaian, kepimpinan industri yang cemerlang dan komitmen untuk kecemerlangan.

(KUALA LUMPUR) - 14 organisasi serta individu terbaik dalam keselamatan maklumat di Malaysia telah diberi penghargaan oleh CyberSecurity Malaysia melalui **Anugerah Keselamatan Siber Malaysia 2012** untuk pencapaian mereka dari segi amalan terbaik, kepimpinan dalam industri serta komitmen terhadap kecemerlangan dan inovasi.

Anugerah telah disampaikan oleh Datuk Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sempena acara Anugerah, Persidangan dan Pameran Keselamatan Siber Malaysia 2012 (CSM-ACE) yang berlangsung di Hotel DoubleTree by Hilton, Kuala Lumpur. CSM-ACE 2012 adalah acara utama bagi menjalin rangkaian, perbincangan strategik dan perkongsian pengetahuan di kalangan pengamal ICT serta komuniti tempatan dan serantau.

"Dengan internet, mobiliti dan sesawang sosial, Malaysia telah membina asas yang kukuh bagi memacu perjalanannya ke arah mencapai ekonomi yang berasaskan pengetahuan, diterajui inovasi dan berpendapatan tinggi menjelang 2020," kata Datuk Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di majlis penyampaian anugerah tersebut.

Bertemakan '**Risiko & Pematuhan Keselamatan Siber untuk Transformasi Ekonomi,**' CSM-ACE 2012 terbahagia kepada tiga trek: Trek 1 - UrusTadbir, Standard & Pematuhan, Trek 2 – Teknikal, dan Trek 3 - Pengurusan Kesyinambungan Perniagaan; serta 16 penyertaan utama untuk pameran. Satu ruang pameran atau pavilion turut diadakan bagi mempamerkan produk ICT yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat Malaysia yang mencapai pensijilan Common Criteria (ISO15408) yang dikeluarkan melalui Skim Penilaian & Persijilan Common criteria Malaysia (MyCC).

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8946 0999
F +603 8946 0888
H +61 300 88 2999

Corporate Office:

Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

www.cybersecurity.my



"Tidak dapat dinafikan bahawa keselamatan siber adalah tanggungjawab bersama. Justeru, bagi membolehkan Malaysia meneraju revolusi digital global, adalah amat penting untuk kita sama-sama melindungi ruang siber, mengkaji dan menilai semula keselamatan sistem maklumat dan rangkaian, dasar keselamatan, amalan dan prosedur. Selain dari menggalakkan kesedaran keselamatan siber, kita juga perlu memberi tumpuan kepada program-program latihan dan pendidikan untuk membangunkan kecekapan, keupayaan dan kapasiti profesional keselamatan siber tempatan." tambah Datuk Haji Fadillah.

Dalam ucapannya, Pengerusi CyberSecurity Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed (Bersara) berkata, "anugerah malam ini bertujuan untuk mengiktiraf profesional dan organisasi terbaik dalam keselamatan maklumat di Malaysia, atas prestasi, kecemerlangan dalam amalan terbaik dan sumbangan besar mereka terhadap pertumbuhan industri ICT Malaysia yang dinamik."

Beliau menambah, "Sejak Anugerah Keselamatan Siber Malaysia diwujudkan, kami telah memberikan penghargaan kepada organisasi yang cemerlang dan inovatif, individu, produk dan perkhidmatan. Oleh itu, anugerah ini terus melambangkan kecemerlangan, kepercayaan, kualiti dan kepimpinan terutamanya dalam industri keselamatan ICT di Malaysia."

Anugerah Keselamatan Siber Malaysia 2012 telah dinilai secara bebas oleh Deloitte Malaysia. Terdapat 14 penerima daripada lapan (8) kategori seperti berikut:

Dua (2) Penerima Anugerah Inovasi:

PROFESIONAL KESELAMATAN MAKLUMAT PALING INOVATIF

- Haji Mohd Yassin bin Haji Tahir, Ketua Pegawai Teknologi, Tabung Haji
- Shaharil Abdul Malek, Ketua Pegawai Teknologi, SCAN Associates Berhad

SYARIKAT KESELAMATAN MAKLUMAT PALING INOVATIF

- BAE Systems Stratsec



Enam (6) Penerima Anugerah Tahunan:

PENYEDIA PERKHIDMATAN KESELAMATAN MAKLUMAT

- FIRMUS

PENYEDIA LATIHAN & PENDIDIKAN KESELAMATAN MAKLUMAT

- Asia Pasifik Universiti Teknologi & Inovasi, Malaysia (APU)
- EC-Council Academy

PENYEDIA CAPAIAN (OUTREACH) KESELAMATAN MAKLUMAT

- DiGi Telecommunications
- Bahagian Teknologi Pendidikan (Persekutuan & Negeri), Kementerian Pelajaran Malaysia
- PUSPANITA Negara

PROJEK KESELAMATAN MAKLUMAT

- Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia - Projek Pelan Kesenambungan Perniagaan

ORGANISASI KESELAMATAN MAKLUMAT

- Tabung Haji
- HeiTech Managed Services

DUTA CyberSAFE

- Mohamed Sabri Sahak
- Philip Ling Oon Hun

Selain daripada penerima Anugerah Keselamatan Siber Malaysia, sebanyak 22 organisasi turut menerima sijil penghargaan di bawah Skim Penilaian & Persijilan Common Criteria Malaysia (MyCC). Kesemua 22 organisasi tersebut telah mengambil bahagian dalam skim MyCC dan berjaya memperolehi pensijilan produk berdasarkan standard bertaraf antarabangsa iaitu Common Criteria (ISO/IEC15408).



Menurut Zahri Hj. Yunos, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, "Skim MyCC adalah proses yang sistematik bagi menilai dan mengesahkan fungsi keselamatan produk ICT. Setakat ini, 27 produk ICT telah dinilai dan disahkan berdasarkan standard antarabangsa Common Criteria atau ISO / IEC 15408. Melalui Skim MyCC, keyakinan pengguna terhadap produk ICT buatan Malaysia akan bertambah."

Di samping itu, lima (5) lagi organisasi telah menerima sijil penghargaan dari Skim Pensijilan dan Audit Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat CyberSecurity Malaysia (CSM27001); di mana kesemua lima (5) organisasi tersebut telah mengambil bahagian dalam Skim CSM27001 dan berjaya mendapat pensijilan dalam sistem pengurusan keselamatan maklumat berdasarkan MS ISO/IEC 27001.

Lebih dari 300 pemimpin, pakar dan pengamal keselamatan maklumat terkemuka dari pelbagai agensi kerajaan, perniagaan, ahli akademik, dan organisasi ICT berkongsi idea mengenai teknologi, tadbir urus, kesinambungan perniagaan, risiko dan pematuhan bagi transformasi ekonomi.

~ Tamat ~

*Issued by the Corporate Branding & Media Relations Department of CyberSecurity Malaysia
For media inquiry or more information about this document, please contact Mohd Shamil bin
Mohd Yusoff or Sandra binti Isnaji via this email address: [media\[at\]cybersecurity.my](mailto:media[at]cybersecurity.my)*

CyberSecurity Malaysia is the national cyber security specialist centre under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For more information, visit us at www.cybersecurity.my or like us at www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia

